



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
DESA SEJAHTERA 1MALAYSIA (ADS1M)
PERINGKAT KEBANGSAAN 2015**

**MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK SERDANG (MAEPS),
SERDANG, SELANGOR**

**16 OKTOBER 2016 (AHAD)
2:30 PETANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Razak
Perdana Menteri Malaysia

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri;
Datuk Alexander Nanta Linggi; dan
Datuk Ahmad Jazlan Yaakub**

Yang Berhormat Exco-Exco Pembangunan Luar Bandar
Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha KKLW

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
Pengerusi-Pengerusi JKKK dan JKKKP
Pemimpin-pemimpin Masyarakat dan Sidang Hadirin sekalian

1. **Alhamdulillah**, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada petang ini dengan kehadiran YAB Perdana Menteri Malaysia bagi meneruskan tradisi mengiktiraf dan meraikan pencapaian cemerlang kampung-kampung yang telah bertanding dalam Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M). Program seumpama ini yang telah dilaksanakan sejak tahun 1987 dan setelah melalui beberapa pengubahsuaian ianya dijenamakan semula sebagai Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) mulai tahun 2014.

YAB Dato' Sri dan Sidang Hadirin sekalian,

2. Pada petang ini saya mewakili seluruh warga kerja Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khususnya, dan warga desa amnya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri di atas kesudian meluangkan masa bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Desa Sejahtera 1Malaysia tahun 2015. Pada masa yang sama, saya juga mengalu-alukan kehadiran pemimpin akar umbi yang datang dari jauh dan dekat untuk bersama-sama di majlis ini.

3. Sesungguhnya majlis ini amat istimewa kerana selain kita mengiktiraf pencapaian kampung-kampung dalam ADS1M, majlis ini juga adalah medan pertemuan secara langsung antara kepimpinan akar umbi dengan YAB Perdana Menteri.

4. Untuk makluman YAB Perdana Menteri, acara yang diadakan pada hari ini adalah lanjutan dari aktiviti pertandingan dan penilaian yang telah dijalankan pada tahun 2015 bagi memilih kampung-kampung cemerlang dalam kategori yang telah ditetapkan. Kategori yang dipertandingkan ialah kategori **Kampung Tradisional, Kampung Orang Asli, Rumah Panjang dan Kampung Baru Cina**. Hadiah pertandingan yang keseluruhannya berjumlah **RM3.6 juta** telah disediakan kepada pemenang.

5. Untuk makluman YAB Dato Sri juga, ADS1M ini juga adalah satu inisiatif KKLW untuk mengiktiraf sumbangan dan usaha warga desa dalam memajukan kampung dan masyarakat setempat. Melalui ADS1M, Kerajaan berupaya mengukur tahap kejayaan desa terutama dari segi kebijaksanaan memanfaatkan sumber bagi kemudahan warga desa.

YAB Dato' Sri dan Sidang Hadirin Sekalian,

6. Program ini juga adalah satu pendekatan untuk mewujudkan **kebersamaan** rakyat terutama dalam meningkatkan semangat cintakan negara, kemuafakatan, kecekapan tadbir urus desa serta pengurusan sosio ekonomi desa. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kampung di seluruh negara sama ada Kampung Tradisional, Kampung Orang Asli, Rumah Panjang mahupun Kampung Baru Cina. Inilah kebersamaan kita untuk merapatkan perpaduan dalam kalangan rakyat luar bandar.

7. Sebanyak 581 kampung telah menyertai pertandingan ini dalam tahun 2015 terdiri dari **483 buah Kampung Tradisional, 6 Kampung Orang Asli, 20 Rumah Panjang dan 72 Kampung Baru Cina**. Sebentar lagi kita akan mengetahui kampung manakah yang akan menerima Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia mengikut kategori masing-masing. Sehubungan itu, di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kampung yang berjaya pada kali ini.

YAB Dato' Sri dan Hadirin Sekalian,

8. Kami di KKLW sangat bertuah di atas komitmen YAB Dato' Sri dalam memastikan kelangsungan pembangunan luar bandar mewarisi sifat Allahyarham Ayahanda Tun Haji Abdul Razak Hussein. Agenda pembangunan luar bandar sentiasa dekat di hati YAB Perdana Menteri. Saya masih ingat sewaktu merasmikan **Karnival Usahawan Desa yang dianjurkan oleh KKLW** di Putrajaya pada tahun 2015, Perdana Menteri berkata: *"Meskipun menghadapi kemelut ekonomi dunia, yang sedikit sebanyak mencengkam nilai mata wang dan pendapatan negara, saya suka memberi jaminan bahawa **pembangunan luar bandar** akan terus kekal sebagai keutamaan antara yang tertinggi dalam pertimbangan kerajaan."*

9. Dari petikan ucapan ini apa yang difahami ialah keprihatinan kepimpinan negara terhadap agenda pembangunan luar bandar untuk kesejahteraan hidup rakyat merupakan antara keutamaan negara. Sekarang kita berada dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) yang bermula pada tahun ini sehingga tahun 2020. Perancangan pembangunan negara dalam tempoh ini masih memberikan fokus istimewa kepada pembangunan luar bandar dengan matlamat **Mentransformasi Luar Bandar Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat.**

10. Dalam RMK Ke-11, kesejahteraan masyarakat luar bandar akan ditingkatkan untuk mencapai pertumbuhan seimbang merentasi kedudukan geografi. Tumpuan dan komitmen kerajaan kepada luar bandar sentiasa mengungguli agenda pembangunan negara. Ini kerana kawasan luar bandar diliputi hampir **70 peratus keluasan Malaysia** atau kira-kira **161,826 kilometer persegi** dari jumlah keluasan Malaysia iaitu **231,180 kilometer persegi**. Program transformasi ini dapat memberi manfaat kepada **7.92 juta atau 26 peratus** penduduk luar bandar dari keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah **30.5 juta orang**.

11. Kita sewajarnya bersyukur kerana kerajaan mengambil berat terhadap kehidupan rakyat terutama di luar bandar. Atas komitmen inilah maka Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan yang besar kepada KKLW untuk pembangunan luar bandar. Pada tahun 2016 Kementerian mendapat peruntukan sebanyak **RM2.33 bilion** untuk membina dan menaiktaraf infrastruktur di luar bandar di seluruh negara. Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.09 bilion** untuk pembangunan ekonomi pekebun kecil luar bandar yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KKLW.

YAB Dato' Sri dan Hadirin Sekalian,

12. Bagi melonjakkan proses membandarkan luar bandar, KKLW telah memperincikan strategi yang lebih kemas dan terancang. Saya telah melancarkan program **Transformasi Luar Bandar** yang memberikan tumpuan kepada **enam fokus utama** iaitu Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Belia Luar Bandar, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian.

13. Program ini adalah langkah strategik KKLW untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar dan menyokong pembangunan ekonomi negara. Justeru, inisiatif KKLW adalah sejajar dengan aspirasi dan dasar kerajaan hari ini dan akan datang.

14. Kementerian juga sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan modal insan untuk memperkasakan kepimpinan akar umbi di seluruh negara yang merupakan barisan hadapan dan berperanan sebagai agen penghubung kepada kerajaan.

15. Untuk itu, Kementerian dijangka akan menyediakan latihan secara berperingkat kepada **248,235** ahli JKKK dan JKKP untuk mendapat **Persijilan Eksekutif dalam bidang Kepimpinan dan Tadbir Urus Desa dengan kerjasama UniKL**. Inisiatif ini bertujuan memberi pengiktirafan terhadap peranan dan fungsi JKKK kepada masyarakat dan negara. Lain-lain bidang latihan seperti pengurusan kewangan, perancangan desa, pembangunan ekonomi telah dilaksanakan dari masa ke semasa oleh institusi latihan di bawah KKLW seperti Institut Kemajuan Desa (INFRA), KEMAS dan lain-lain agensi Kementerian.

YAB Dato' Sri dan Hadirin Sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluangkan masa bagi menghadiri Majlis hari ini dan menyempurnakan penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia. Semoga dengan anugerah ini dapat menjadi inspirasi dan motivasi kepada kepimpinan JKKK serta warga desa untuk melestarikan pembangunan desa masing-masing ke tahap lebih berdaya maju dan sejahtera.

17. Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis Penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia

Peringkat Kebangsaan

16 Oktober 2016